

PENGUNAAN TENAGA GOLONGAN KURANG UPAYA DALAM INDUSTRI
PEMBINAAN

CHANG SIAW HUI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2008

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini, isu-isu mengenai peluang pekerjaan bagi golongan kurang upaya (OKU) semakin hangat diperkatakan. Keupayaan golongan ini untuk bekerja masih lagi dipertikaikan oleh masyarakat kita. Serba kekurangan pada golongan ini bukan sahaja menghalang malah juga menyekat peluang pekerjaan mereka. Namun begitu, masih tiada kajian yang jelas yang menunjukkan penggunaan tenaga golongan kurang upaya dalam industri pembinaan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti masalah-masalah utama yang dihadapi dalam penggunaan tenaga golongan kurang upaya dalam industri pembinaan dan mengenalpasti langkah-langkah utama untuk menggalakkan penggunaan tenaga golongan kurang upaya dalam industri pembinaan. Skop kajian ini tertumpu pada Firma Juruukur Bahan dan Firma Kejuruteraan di sekitar Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Data kajian dikumpul melalui penghantaran borang soal selidik kepada responden. Kaedah analisis data yang digunakan adalah analisis statistik frekuensi dan skala *Likert* berdasarkan purata skor. Daripada hasil kajian, didapati masalah utama yang dihadapi dalam penggunaan tenaga golongan kurang upaya dalam industri pembinaan ialah masalah pengangkutan bagi golongan tersebut, diikuti dengan masalah latihan vokasional dan tahap pendidikan yang tidak mencukupi di kalangan OKU dan tahap kesedaran yang rendah tentang polisi-polisi dan faedah-faedah yang berkaitan dengan pengambilan pekerja OKU. Langkah utama untuk menggalakkan penggunaan tenaga golongan kurang upaya dalam industri pembinaan adalah melalui pembentukan persekitaran mesra dan bebas halangan, diikuti dengan peningkatan latihan vokasional, tahap pendidikan dan kemahiran di kalangan OKU.

ABSTRACT

Recently, issues surrounding the employment of disabled people become the hot topic among the society. Our society operates in a way that dispute the capability and ability to work among the disabled people had caused them to face with disadvantages in labour market. Since there has not been any previous study within the context of the employment of disabled people within construction industry, the aim of this study was to examine the main difficulties faced in the employment of disabled people within the construction industry. This study was also aimed to examine the best way to encourage the employment of disabled people within the construction industry. The scope of the study was Quantity Surveying Firm and Engineering Firm around Kuala Lumpur and Johor Bahru. Data collection was done by sending questionnaires to the targeted firm. The methods of analysis used in this study were frequency statistic analysis and *Likert* scale analysis based on mean score. The combined analysis shown that the main difficulties faced in the employment of disabled people within construction industry were the transportation problems for the disabled, followed by the low qualification among the disabled people and low awareness of the policies and benefits regarding to the employment of disabled people. According to the findings, the most effective way to encourage the employment of disabled people within construction industry were through the establishment of barriers-free environment, followed by the improvement of vocational training, education level and working skill among the disabled people.